

Program labuh Tukun Rekreasi Juvenil di Perairan Pulau Payar, Kedah

11 Oktober 2020 Jabatan Perikanan Negeri Kedah telah menjalankan kerja-kerja melabuh tukun tiruan jenis rekreasi juvenile bagi tujuan konservasi di mana ia akan berfungsi sebagai peranti pengumpul pelbagai jenis spesies ikan terutama spesies ikan karang di lokasi yang dilabuhkan. Ia mampu untuk menjadi tempat ikan berkumpul, membesar dan membiak atau dengan kata lain sebagai habitat perlindungan juvenil dan induk ikan. Tukun yang bersaiz 1.85 meter (tinggi), 1.80 meter (panjang) dan 1.80 meter (lebar) ini hanya mengambil masa selama lapan minggu untuk disiapkan oleh pihak kontraktor yang telah dilantik oleh pihak jabatan dengan kos sebanyak RM 499,640.00

Sebanyak 34 unit tukun dilabuhkan Pulau Payar atau lebih spesifik lagi di Pulau Lembu yang merupakan kawasan perairan yang telah digazetkan sebagai kawasan Taman Laut di Negeri Kedah pada tahun 1994 melalui Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia (P.U. (A) 401/94). Kepulauan ini mempunyai banyak kepentingan dan keistimewaan yang tersendiri iaitu antaranya kepada sumber perikanan negara di mana pelbagai jenis hidupan marin yang berhubung kait dengan terumbu karang menyumbang di antara 25% hingga 40% dari jumlah pendaratan ikan di negara ini, kepada sumber ekonomi negara melalui aktiviti eko- pelancongan, manfaat kepada alam semulajadi, kajian dan lain-lain. Berkedudukan 0.3 batu nautika dari arah hadapan Pulau Lembu, lokasi yang dipilih agak bersesuaian dengan kedalaman air sedalam 20.5 meter. Keadaan sedimen atau dasar yang berpasir dan kecerunan yang rata memudahkan lagi kerja-kerja melabuh tukun pada hari ini.

Adalah diharapkan dengan adanya tukun yang dilabuhkan pada hari ini akan terus memberi sumbangannya yang tersendiri kepada pemuliharaan dan konservasi sumber marin di kawasan Taman Laut ini. Selain itu diharapkan juga kawasan ini akan menjadi tumpuan dan kegemaran para penyelam SCUBA pada masa akan datang dengan keberjayaan tukun ini untuk menarik kepelbagaian spesies hidupan marin untuk berkumpul dan membiak.

#myDOF

